

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk:

Halal Dijaga, Ummah Terpelihara

Tarikh Dibaca:

6 November 2026
26 Jamadilawal 1448H

Disediakan oleh:
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

Halal Dijaga, Ummah Terpelihara

6 November 2026/ 26 Jamadilawal 1448H

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ الْقَائِلِ :

﴿ يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ كُلُواْ مِمَّا فِي ٱلۡأَرۡضِ حَلَٰلٗا طَيِّبٗا وَلَا تَتَّبِعُواْ خُطُوَٰتِ ٱلشَّيۡطَٰنِۚ إِنَّهُۥ لَكُمۡ عَدُوّٞ مُّبِينٌ ١٦٨ ﴾ البقرة [168]

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سيدنا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللّٰهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga ketakwaan membimbing kita mencari rezeki yang halal, memilih makanan yang baik serta menjalani kehidupan yang mendapat keberkatan Allah SWT.

Berikanlah sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan. Janganlah melakukan perkara yang boleh menghilangkan pahala Jumaat.

Pada hari ini, mimbar mengajak kita menghayati khutbah bertajuk: **"Halal Dijaga, Ummah Terpelihara".**

Sidang Jumaat yang dimuliakan Allah,

Makan dan minum adalah antara perbuatan yang paling kerap kita lakukan. Setiap hari kita memilih bahan makanan, membeli keperluan dapur dan menyediakan hidangan untuk keluarga. Namun, pernahkah kita memikirkan bahawa setiap kali memilih makanan, sebenarnya kita sedang membuat satu keputusan yang berkaitan dengan iman?

Di atas meja mungkin hanya terlihat sepinggan makanan. Namun di sebaliknya terdapat satu rantaian amanah yang panjang bermula daripada penternak, penyembelih, pengusaha dan pembekal, sehinggalah kepada peniaga, pengguna serta pihak yang melakukan pemantauan. Setiap pihak memainkan peranan agar makanan yang sampai kepada masyarakat benar-benar halal, bersih, selamat dan berkualiti.

Allah SWT berfirman dalam Surah al-Baqarah ayat 168 yang dibacakan khatib tadi bermaksud:

"Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi, yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah Syaitan; kerana sesungguhnya Syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu".

Perhatikan bahawa Allah SWT tidak sekadar memerintahkan kita memilih makanan yang halal, tetapi juga *tayyib*. Halal memastikan makanan itu dibenarkan oleh syarak serta diperoleh dan diproses melalui cara yang betul. *Tayyib* pula menuntut makanan itu bersih, selamat, berkualiti dan tidak mendatangkan kemudaratan.

Halal menjaga hubungan kita dengan Allah. Tayyib menjaga kesihatan serta kesejahteraan manusia. Halal bukan beban yang menyukarkan kehidupan. Halal ialah rahmat yang melindungi agama, kesihatan dan maruah manusia. Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ طَيِّبٌ لَا يَقْبَلُ إِلَّا طَيِّبًا

Maksudnya: *"Sesungguhnya Allah itu baik dan Dia tidak menerima melainkan yang baik."*

Justeru, usaha memastikan makanan yang halal lagi baik bukan sekadar memenuhi peraturan. Ia adalah sebahagian daripada ibadah dan tanda ketaatan kepada Allah.

Sidang jemaah yang dikasihi,

Amanah memelihara halal bermula daripada pihak yang mengusahakan dan menyediakan makanan. Kepada para penternak, penyembelih, pengusaha, pembekal, pemilik restoran dan peniaga makanan, tunaikanlah amanah ini dengan penuh kejujuran serta rasa takut kepada Allah.

Pastikan sumber bahan mentah diketahui dan penyembelihan dilaksanakan mengikut hukum syarak oleh individu yang layak. Jika kaedah pelalian digunakan, pastikan haiwan masih hidup ketika disembelih. Peliharalah kebersihan tempat pemprosesan, peralatan, penyimpanan dan pengangkutan makanan.

Pemilik restoran dan peniaga juga hendaklah mengenali pembekal mereka. Jangan hanya bertanya tentang harga, tetapi tanyakan juga sumbernya. Jangan hanya melihat keuntungan, tetapi lihatlah amanah yang akan dipertanggungjawabkan di hadapan Allah.

Berusahalah mendapatkan Sijil Pengesahan Halal Malaysia sebagai satu bentuk komitmen untuk memenuhi piawaian dan membina keyakinan pengguna. Pensijilan halal bukan sekadar logo yang dipamerkan. Ia melibatkan proses penelitian, pemeriksaan, pemantauan dan penambahbaikan yang berterusan.

Apabila pengusaha menjaga halal dengan baik, pengguna akan membeli dengan yakin. Perniagaan akan berkembang dengan kepercayaan. Rezeki pula diharapkan penuh dengan keberkatan. Kepercayaan pengguna tidak boleh dibeli dengan iklan. Kepercayaan dibina melalui kejujuran yang dilakukan berulang kali. Justeru, jadikanlah pematuhan halal sebagai budaya perniagaan, bukan sekadar syarat yang dipenuhi ketika pemeriksaan. Halal bukan hanya pada produk yang dijual. Halal mesti terlihat pada cara perniagaan diuruskan.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Tanggungjawab memelihara halal turut berada di tangan pengguna. Pengguna yang bijak tidak membeli secara terburu-buru. Ambillah sedikit masa untuk membaca maklumat pada bungkusan, mengenal pasti kandungan produk dan menyemak status halal melalui Portal Halal Malaysia atau saluran rasmi pihak berautoriti. Utamakan produk serta premis yang diyakini dan telah melalui proses pengesahan yang sewajarnya.

Pada masa yang sama, janganlah kita terlalu mudah menjatuhkan hukum. Ketiadaan sijil halal tidak semestinya secara automatik menjadikan sesuatu makanan itu haram. Penentuan halal dan haram hendaklah berdasarkan bukti serta penelitian pihak yang mempunyai ilmu dan autoriti. Berhati-hati tidak bermaksud mencurigai semua peniaga. Berhati-hati bermaksud membuat pilihan berdasarkan ilmu, maklumat dan keyakinan yang

munasabah. Pengguna yang bijak tidak mudah percaya, jangan asal memilih kerana popular, dan tidak juga mudah menuduh. Semaklah sebelum membuat pilihan. Jika timbul keraguan, bertanyalah dengan baik. Jika terlihat perkara yang mencurigakan, salurkanlah maklumat kepada pihak berkuasa melalui saluran yang betul. Jangan menyebarkan gambar, rakaman atau senarai premis yang belum disahkan. Bimbang tersilap langkah yang menyebabkan penyesalan di kemudian hari.

Gunakan juga kuasa sebagai pengguna untuk menyokong pengusaha yang jujur, bersih dan mematuhi piawaian halal. Apabila masyarakat memilih dengan bijak, pasaran akan bergerak ke arah yang lebih baik. Pengusaha yang amanah akan berkembang dan pihak yang mahu menjalankan perniagaan akan terdorong meningkatkan tahap pematuhan.

Saudara-saudaraku yang dikasihi,

Mimbar turut menyeru semua agensi berkaitan di seluruh negara agar terus memperkukuh kerjasama dan koordinasi antara agensi, meningkatkan pemantauan serta melaksanakan tindakan penguatkuasaan secara berterusan dan bersepadu dalam menangani segala isu yang melibatkan kepentingan awam.

Penguatkuasaan yang baik bukan hanya bertujuan mencari kesalahan. Ia juga mendidik pengusaha, memperbaiki kelemahan, menutup ruang penyelewengan dan meningkatkan mutu perkhidmatan. Bimbinglah pengusaha yang mahu memperbaiki pematuhan. Jika terdapat pelanggaran, ambillah tindakan secara adil dan tegas. Ketegasan tersebut penting untuk melindungi masyarakat serta pengusaha halal yang jujur daripada persaingan yang tidak adil.

Sidang jemaah yang dirahmati Allah,

Halal ialah amanah bersama. Pengusaha mesti jujur. Pembekal mesti telus. Peniaga mesti menyemak. Pengguna mesti bijak. Pihak berkuasa pula mesti cekap, tegas dan berintegriti. Apabila semua pihak melaksanakan tanggungjawab, makanan yang sampai kepada masyarakat bukan sahaja diyakini halal, bahkan bersih, selamat dan berkualiti. Inilah keindahan syariat Islam. Ia tidak hanya menjaga apa yang masuk ke dalam tubuh, tetapi turut menjaga cara manusia mencari rezeki, menjalankan perniagaan dan membina kepercayaan.

Muslimin yang dimuliakan Allah,

Mengakhiri khutbah, marilah kita mengambil tiga pengajaran.

Pertama: Pengusaha, pembekal dan peniaga hendaklah mengurus seluruh proses penyediaan makanan secara jujur serta mematuhi tuntutan halal dan *tayyib*.

Kedua: Pengguna hendaklah membuat pilihan secara berilmu, menyemak melalui saluran rasmi dan menyokong pengusaha yang amanah.

Ketiga: Agensi berkaitan hendaklah terus memperkukuh bimbingan, pemantauan dan penguatkuasaan demi memelihara keyakinan serta kemaslahatan masyarakat.

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ. أَقُوْلُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوْهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُوْرُ الرَّحِيْمُ.

KHUTBAH KEDUA

اَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدِنِ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلاَّ اللّٰهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اِتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللّٰهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللّٰهُ تَعَالَى: إِنَّ ٱللَّهَ وَمَلَٰٓئِكَتَهُۥ يُصَلُّونَ عَلَى ٱلنَّبِيِّۚ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ صَلُّواْ عَلَيۡهِ وَسَلِّمُواْ تَسۡلِيمًا ﴿٥٦﴾

اَللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيْمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيْمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيْمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيْمَ فِي الْعَالَمِيْنَ إِنَّكَ حَمِيْدٌ مَجِيْدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّيْنِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيِّدْ بِدَوَامِ التَّوْفِيْقِ وَالْهِدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلِكِنَا كباوه دولي يڠ مها موليا سري ڤدوك بكيندا يڠ د-ڤرتوان اكوڠ سُلْطَان إِبْرَاهِيم.

وَكَذٰلِكَ كباوه دولي يڠ مها موليا سري ڤدوك بكيندا راج ڤرمايسوري اكوڠ، راج زَارِيثْ صُوفِيَاهْ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَاءَهُ وَقُضَاتَهُ وَعُمَّالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِناً مُطْمَئِنًّا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ. اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِيْنَ، وَانْصُرْ إِخْوَانَنَا فِي فِلَسْطِين، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وانْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِيْنَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّيْنِ.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللهِ، ﴿ إِنَّ ٱللَّهَ يَأۡمُرُ بِٱلۡعَدۡلِ وَٱلۡإِحۡسَٰنِ وَإِيتَآيِٕ ذِي ٱلۡقُرۡبَىٰ وَيَنۡهَىٰ عَنِ ٱلۡفَحۡشَآءِ وَٱلۡمُنكَرِ وَٱلۡبَغۡيِۚ يَعِظُكُمۡ لَعَلَّكُمۡ تَذَكَّرُونَ ٩٠ ﴾

فَاذْكُرُوا اللهَ الْعَظِيْمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللهِ أَكْبَرُ، وَاللهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.